

# Askar Wataniah tidak sesuai banteras jenayah - Najib

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak berpendapat Askar Wataniah tidak perlu dilibatkan bersama-sana Ikatan Relawan Rakyat (Rela) dalam membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) membanteras jenayah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini kerana pasukan itu masih diperlukan dalam beberapa operasi penting seperti pengawasan di sempadan negara.

"Saya fikir adalah lebih berkesan jika mengaktifkan semula Rukun Tetangga (RT), lakukan dengan lebih baik dan menyepadukan dengan polis serta Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)," katanya.

Bercakap pada sidang akhbar pada majlis pelancaran Kelab Alumni Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak dekat sini hari ini, beliau berkata, anggota tentera masih belum sesuai untuk memerangi jenayah buat masa kini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan Berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan menggunakan pasukan sukarelawan Askar Wataniah untuk mem-



**NAJIB Tun Razak beramah mesra dengan pelatih selepas majlis pelancaran Kelab Alumni PLKN di UIAM, Gombak dekat Kuala Lumpur, semalam.**

**- Gambar ASWAD YAHYA**

bantu polis dalam menangani masalah jenayah di negara ini.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho berkata, cadangan itu dibuat selepas mengambil kira permintaan orang ramai dan ma-

salah kekurangan anggota yang dihadapi oleh PDRM.

"Sebagai langkah alternatif lain, khidmat Askar Wataniah mungkin boleh digunakan untuk membantu polis terutama dalam tugas rondaan cegah jenayah.

"Peranan mereka samalah seperti anggota, Rela dalam membantu menjaga keselamatan di sesebuah tempat dan membantu pihak berkuasa seperti polis dan Jabatan Imigresen," kata Chai Ho semalam. "